

Adat Bersandui (Negeri Sembilan)

Berendui (Kedah)

Norhalim Ibrahim

Jabatan Sains Kemasyarakatan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Pertanian Malaysia

SKA 300

Adat Bersandui (Negeri Sembilan)
Dan Adat Berendui (Kedah): Satu Perbandingan

2 April 1990

Prakata

Alhamdulillah, bersyukur kami ke hadrat Allah kerana dapat menyiapkan tugas SKA 300 (Sistem Kekeluargaan Dan Organisasi Sosial).

Kami bersyukur kerana banyak pihak telah membantu kami dalam menyiapkan tugas ini. Setinggi-tinggi terima kasih kepada pensyarah SKA 300. En. Norhalim Ibrahim yang telah banyak memberi komen serta pandangan dalam menjalankan tugas ini.

Jutaan terima kasih juga kepada para penduduk Kampung Pedas dalam daerah Rembau di Negeri Sembilan serta penduduk-penduduk Kg. Mawat, Langkawi yang banyak memberi bantuan bagi memudahkan penyelidikan kami. Ingin kami nyatakan rasa terharu kami di atas segala jasa baik yang dicurahkan.

Tugas ini, banyak memberi kami pengalaman pahit dan manis. Namun yang pentingnya, kami mula mengakui betapa tingginya nilai budaya yang kita punyai. Adat-adat warisan budaya sepatutnya dijaja dan dipelihara dengan baiknya supaya tidak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. Kami juga menyedari bahawa adat-adat warisan ini adalah mewarisi kebudayaan nenek moyang terdahulu. Seterusnya mendekatkan kita kepada nilai-nilai murni yang ujud dalam pengalaman adat-adat ini.

Akhir sekali, kami percaya tugas SKA 300 ini akan memberi kami pengalaman dan kefahaman untuk menjalani tugas-tugas lain yang akan kami hadapi kelak.

Sekian, wassalam.

Senarai Kandungan

Muka Surat

Prakata	i
Senarai Kandungan	ii
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Definisi Konsep	2
1.3 Objektif Kajian	3
1.4 Limitasi Kajian	4
2.0 Adat Bersandui Di Negeri Sembilan	5
2.1 Latar Belakang	5
2.2 Amalan	6
2.2.1 Peralatan	6
2.2.2 Bila Dilakukan Dan Di Mana	8
2.2.3 Siapa Yang Terlibat	8
2.2.4 Bacaan	9
3.0 Adat Berendui Di Negeri Kedah	14
3.1 Latar Belakang	14
3.2 Amalan	15
3.2.1 Peralatan	15
3.2.2 Bacaan	18
3.2.3 Bila Dilakukan Dan Di Mana	22
3.2.4 Siapa yang Terlibat	24
4.0 Perbandingan	27
4.1 Persamaan	27
4.2 Perbezaan	29
5.0 Kesimpulan	33
Bibliografi	35

1.0 Pendahuluan

1.1 Pengenalan

Adat Berendui atau bersandui merupakan adat menyambut bayi atau 'naik buai'. Kedua-dua adat mempunyai tujuan yang sama tetapi dengan nama yang berbeza serta terdapat pada 2 buah negeri yang berlainan. Adat berendui dan bersandui mempunyai persamaan dalam dua ciri utama iaitu membuai bayi di dalam buaian khas serta diiringi oleh nyanyian lagu-lagu berunsur nasihat. Buaiian khas di hias indah mengikut tempat asal adat-adat tersebut.

Dari sinilah wujudnya beberapa perbezaan tertentu. Perbezaan dari segi pengalaman mula timbul dari aspek hiasan huraian. Lirik lagu-lagu yang dinyanyikan. Keadaan sesuatu adat dijalankan atau pun dari aspek sambutan adat ini oleh penduduk-penduduk di negeri-negeri tersebut.

Adat ini masih dijalankan sehingga ke hari ini. Ini menunjukkan betapa warisan adat ini sering menjadi persoalan. Dari manakah adat ini muncul? Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kemunculan adat ini? Apakah daripada faktor sejarah, kebudayaan atau faktor keagamaan? Berkemungkinan, faktor-faktor tersebut yang menyebabkan wujudnya perbezaan di antara adat bersandui di Negeri Sembilan dengan Adat Berandui di Kedah.

Peredaran masa juga mungkin akan membawa perubahan ke atas pengalaman adat-adat ini. Perubahan-perubahan ini mungkin akan menyambung warisan adat ini atau menghapuskan terus pengalaman adat ini. Peredaran masa juga akan membawa perubahan ke atas pengalaman adat-adat ini. Perubahan-perubahan ini mungkin akan menyambung warisan adat ini atau menghapuskan terus pengalaman adat ini.

1.2 Definisi Konsep

Adat Bersandui (Negeri Sembilan) dan Adat Berendoi (Kedah) :Satu Perbandingan. Adat Bersandoi merupakan adat ‘naik buai’ yang dilakukan menurut cara mengambil madu lebah. Adat ‘naik buai’ ini bermaksud, meletakkan bayi di dalam buaian. Membuai bayi tersebut serta diiringi dengan nyanyian lagu-lagu oleh orang lelaki. Adat ini dijalankan sebagai satu ucapan.

Adat berendoi (Kedah) pula merupakan satu upacara membuai bayi di dalam buaian dengan diiringi oleh lagu-lagu merdu yang dinyanyikan oleh 4 orang lelaki. Pengamalan adat ini ialah menurut warisan yang dilakukan di dalam zaman Mahsuri.

Namun begitu, perbandingan di antara kedua adat mempunyai perbezaan dan persamaan yang jelas walaupun mempunyai tujuan dan ciri utama yang sama. Perbandingan ini akan dikaji dari aspek latar belakang. Pengamalan adat serta pengaruh yang memberi kesan kepada pengalaman adat ini.

1.3 Objektif Kajian

Kajian yang dilakukan ke atas adat bersandui di negeri Sembilan dan adat berendui di Kedah mempunyai objektif tertentu. Berikut disenaraikan lima objektif utama penyelidikan kami:

- 1) Mengkaji amalan-amalan adat berendui dan bersandui di dua buah negeri. Amalan ini mengandungi peralatan-peralatan yang digunakan. Masa dan tempat kampung yang menjalankan upacara adat serta orang-orang yang terlibat dalam menjayakan upacara adat tersebut.
- 2) Mengkaji pengaruh-pengaruh dalaman atau luaran yang memberi kesan ke atas pengalaman adat berendui bersandui. Faktor-faktor tersebut merangkumi faktor sejarah dan kebudayaan.
- 3) Mengkaji sama ada terdapat perbezaan-perbezaan yang jelas di antara kedua-dua adat dari segi pengalaman mahu pun dari segi faktor-faktor mempengaruhi.
- 4) Mengkaji perubahan-perubahan yang berlaku dalam pengalaman adat mengikut peredaran masa.
- 5) Mendalami pengetahuan dalam adat-adat warisan budaya yang terdapat di seluruh negara, Malaysia. Seterusnya memahami kesinambungan di antara satu adat dengan adat yang lain di dalam 2 buah negeri yang berlainan.

Ke-5 objektif kajian telah dimuatkan sepenuhnya di dalam kertas kerja kami yang bertajuk “Adat bersandui (Negeri Sembilan) dan Adat berendui (Kedah). Ini bertujuan untuk memudahkan kerja-kerja kajian dan penyelidikan serta menambahkan kefahaman terhadap kedua-dua adat.

1.4 Limitasi Kajian

Kami telah memilih 2 buah tempat yang khusus bagi menjalankan kajian dan penyelidikan kami ke atas adat bersandui (Negeri Sembilan) dan Adat berendui (Kedah). Ini bertujuan untuk memudahkan kerja-kerja kajian dan penyelidikan serta menambahkan kefahaman terhadap kedua-dua adat.

Penyelidikan ke atas Adat Berendui (Negeri Sembilan) telah dijalankan di Pedas dalam daerah Rembau, Negeri Sembilan. Penyelidikan ini dijalankan dengan bantuan sepenuhnya daripada penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Terutamanya daripada tukang endui-bidan kampung serta para ibu bapa yang telah berpengalaman dalam pengamalan adat ini.

Manakala penyelidikan ke atas Adat berendui (Kedah) telah dilakukan di Kampung Mawat, Pulau Langkawi, Kedah. Kampung Mawat dipilih kerana ia mempunyai keistimewaan tersendiri yang banyak mempengaruhi pengamalan adat berendui. Kg. Mawat terletak di tempat terletaknya makam Mahsuri serta merupakan tempat kelahiran Mahsuri.

Penyelidikan ini dibantu sepenuhnya oleh penduduk-penduduk Kg. Mawat, tukang endui serta bidan kampung. Kajian ini juga merupakan kajian mendalam mengikut perubahan masa. Ini bermakna penyelidikan ini merangkumi adat sebenarnya pada masa dahulu dan pengalaman yang diwarisi pada masa ini.

Bibliografi

1. Dussek, O.T (1917), Hair Cutting Ceremony, Royal Asiatic Journal, Volume 19, Jilid XV 11, muka surat 119.
2. Harun Mat Piah (1980), Upacara Adat Bersandui Di Negeri Sembilan', Dewan Budaya Oktober, Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur